

# HIJRAH RASULULLAH IKTIBAR TINGKAT PRESTASI, ELAK KONTRAVERSI

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ

اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾ (Surah Al-Baqarah, ayat: 218)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dan takutilah akan azab hari akhirat, di mana seseorang ibu atau bapa tidak dapat menyelamatkan anaknya dari azab dosanya, dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing. Sesungguhnya perkara ini adalah benar, maka janganlah lalai daripada mematuhi segala suruhan Allah SWT dan larangan-Nya serta berusaha memperbaiki segala amal ibadat.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa, dan orang yang berusaha memperbaiki amalannya." (S. An-Nahl: 128).

## SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Tahun baru 1438 Hijriah sudahpun menjelang. Dan pastinya, umur kita semakin meningkat manakala jangka hayat semakin berkurang. Ini mengisyaratkan kepada kita agar meraikan kehadiran tahun baru ini dengan niat memperbaiki kualiti dan kuantiti amal wajib dan sunat. Seterusnya bermuhasabah, yakni mengaudit diri sejauh mana kesiapsediaan dalam menempuh pelbagai agenda dan gelombang hidup di dunia ini sebelum berhijrah ke alam barzakh menuju akhirat.

Seperti halnya dengan seorang pemandu ataupun tuan punya kendaraan, dia perlu memeriksa keadaan kenderannya setiap hari – memeriksa keadaan kebersihan luar dan dalamnya, memeriksa keadaan tayar, brek, minyak dan sebagainya bagi memastikan kendaraan tersebut berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan menuju destinasi. Maka demikianlah juga halnya yang harus kita lakukan ke atas diri kita, iaitu menilai tahap keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan memeriksa serta menilai kuantiti dan kualiti amal serta usaha baik yang telah dilakukan selama ini.

Andai kata kita masih lalai atau jarang-jarang mengerjakan suruhan Allah SWT seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, zakat dan sebagainya, maka ia bermakna tahap keimanan dan ketaqwaan kita masih lemah. Namun, jika kita tekun dan konsisten mentaati segala suruhan dan larangan Allah SWT dalam apa jua situasi dan kondisinya, ia adalah antara petanda keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT bersemi di hati. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢٠٦﴾ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢٠٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.” (S. Al-Anfal: 2-3).

Jelas dari mafhum firman Allah SWT tersebut, kualiti iman yang menentukan tahap ketaqwaan dan kepatuhan seseorang hamba kepada Allah SWT. Kuat atau lemahnya iltizam untuk memperbaiki keadaan diri daripada kurang baik kepada baik, daripada baik kepada keadaan yang lebih baik juga bergantung kepada kualiti iman seseorang. Jadi, tepuklah dada dan nilailah kualiti iman masing-masing selain berusaha menyuburkan dan meningkatkan kualiti iman agar terpahat kukuh kepercayaan serta keyakinan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah SWT selaku Pencipta dan Pentadbir seluruh alam ini.

## MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Keimanan kepada Allah SWT disuburkan dengan menjadikan “cinta/kasih” kepada Allah SWT mendasari setiap amal dan perbuatan yang dilakukan. Perasaan cinta dan kasih kepada Allah SWT diterjemahkan melalui pematuhan terhadap semua syariat-Nya. Ia termasuk mentaati serta mencontohi Rasulullah SAW selaras firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah SWT maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (S. Ali Imran: 31).

Ayat ini menjelaskan bahawa satu dari cara bagi menzahirkan rasa cinta dan kasih kepada Allah SWT ialah dengan mengamalkan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Mereka yang mengasihi Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya pasti akan dikasihi Allah SWT jua. Seseorang yang dikasihi Allah SWT akan cenderung serta gemar melakukan amal-amal soleh kerana beroleh kurniaan taufik dan hidayah-Nya.

Rasulullah SAW diriwayatkan pernah menyatakan perihal ini melalui sabdanya yang antara lain bermaksud: “Bila Allah menghendaki seorang hamba-Nya kebaikan, Dia akan menjadikan hamba-Nya beramal. Sahabat bertanya, “Bagaimana Allah menjadikan dia beramal?” Rasulullah bersabda lagi: “Allah mencurahkan taufik dan hidayah-Nya yang membawa rasa ingin mengubah dirinya ke arah suka beramal yang baik sebelum datang kematiannya.”

## **HADIRIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Ketibaan tahun baru Hijriah yang ditandai dengan perayaan Maal Hijrah di negara kita merupakan wadah mengajak umat Islam menggarab semangat serta nilai positif yang terkandung dalam peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat dari Makkah ke Madinah. Ia penting mengingat bahawa semangat dan sikap positif berkenaan beserta keyakinan terhadap pertolongan dan petunjuk Allah SWT membolehkan hijrah Rasulullah SAW menatijahkan kejayaan yang besar dan bermakna dalam sejarah perkembangan Islam dan umatnya. Umat Islam yang pada permulaan hijrah hanya merupakan kumpulan minoriti dan serba kekurangan berubah menjadi umat yang kuat, maju dan dihormati hasil anjakan sikap mahu mentransformasi keadaan diri dan ummah ke arah yang lebih baik bertunjangkan ajaran Islam yang syumul.

Semangat serta sikap mahu dan sanggup melakukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik, betul dan syumul lahir dari kesungguhan mentauhidkan Allah SWT, kesungguhan berukhuwah, kesungguhan bersatu padu, kesungguhan membudaya ilmu, kesungguhan mencapai kemajuan, kesungguhan mempertahankan kedaulatan negara dan sebagainya. Ia adalah iktibar untuk tingkat prestasi dalam semua dimensi kehidupan dan mengelak kontraversi bagi memperoleh redha Ilahi supaya selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Oleh sebab itu, meskipun peristiwa hijrah Rasulullah tersebut kini hanya tinggal nostalgia untuk diambil pengajaran dan iktibar, namun semangat hijrah dan keperluan untuk berhijrah sentiasa relevan terutama sekali bilamana keadaan memerlukan. Perubahan serta transformasi untuk tingkat prestasi ke arah yang lebih tinggi dan baik merupakan suatu usaha yang berterusan bagi mencapai kecemerlangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Saidatina Aisyah (ra) berkata: Nabi SAW bersabda (yang bermaksud):

*“Tiada hijrah sesudah kembalinya kota Makkah ke tangan muslimin. Tetapi yang tetap ada ialah jihad (berjuang) dan niat akan berhijrah bila keadaan memaksa. Dan bila kamu dipanggil untuk berjuang, hendaklah kamu tetap siap sedia.”* (HR Bukhari dan Muslim).

Mafhum Hadith ini mengisyaratkan bahawa umat Islam harus sentiasa bersedia berkorban jiwa raga dan harta benda untuk melakukan perubahan dan transformasi ke arah kehidupan yang lebih baik dan berkualiti. Perubahan dan transformasi yang selaras dengan syariat Islam berupaya mengangkat martabat ummah dan memperteguhkan negara.

## **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Penghijrahan golongan belia dari luar bandar ke bandar secara umumnya bermotif ingin mencari pekerjaan dan ingin melanjutkan pelajaran. Jika dinilai pada motif ini, hijrah yang dilakukan itu mempunyai kerangka memperbaiki keadaan hidup. Tetapi jika kehadiran mereka ke bandar hanya untuk membabitkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat, maka penghijrahan itu tidak memenuhi konsep semangat hijrah yang berintipatikan perubahan ke arah kebaikan. Dengan perkataan lain, penghijrahan ataupun perubahan yang dilakukan bukan saja harus mempunyai agenda yang baik, malahan matlamatnya juga harus baik atau mengarah kepada pembentukan insan yang berguna, iaitu insan yang tahu serta mahu berbakti kepada agama, bangsa dan negara kerana Allah SWT semata-mata.

Mereka yang mempunyai niat serta matlamat seumpamanya akan beroleh kebahagiaan meskipun segala perancangan dan harapan tidak kesampaian. Ini kerana Allah SWT tidak mensia-siakan amal perbuatan hamba-hamba-Nya yang baik sebagaimana firman-Nya:

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ تَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (S. An-Nisaa’: 100).

Jelas, berhijrah atau berubah ke arah kebaikan itu sangat dituntut. Bagi memotivasi manusia untuk melakukan kebaikan atau beranjak daripada keadaan yang sudah baik kepada keadaan yang lebih baik, Allah SWT mengumiakan kebajikan (pahala) bagi setiap niat yang mengarah kepada kebaikan meskipun kebaikan yang diniatkan itu belum lagi dilaksanakan. Hikmahnya adalah untuk memastikan setiap individu Muslim sentiasa proaktif dan kreatif melakukan perubahan ke arah menganjukkan kedudukan dan kualiti iman, ilmu, amal dan sebagainya ke tahap yang lebih baik sekali gus terhindar daripada menjadi orang yang rugi dan celaka, sebagaimana dinukilkan oleh bijak pandai:

“Sesiapa yang keadaan hidupnya hari ini lebih baik dari hari kelmarin, maka dia adalah orang yang berjaya; sesiapa keadaan hidupnya hari ini sama dengan hari kelmarin, maka dia adalah orang yang terpedaya; dan sesiapa yang keadaan hidupnya lebih buruk dari hari kelmarin, maka dia adalah orang yang celaka.”

Semoga hendaknya sisa hayat yang masih ada ini dapat kita manfaatkan bersama untuk berhijrah – beranjak kepada keadaan yang lebih baik dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti amal dan usaha dalam semua aspek kehidupan. Sesungguhnya Allah SWT berserta orang yang berusaha memperbaiki amal usahanya selaras firman-Nya di dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَهُمْ صُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha membaiki amalannya.” (S. Al-Ankabut: 69).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.